

## **Pantai Merdeka sebagai Pantai Pelancongan Mesra Keluarga dalam Pelancongan Luar Bandar**

### **Pantai Merdeka as family-friendly beach Tourism in Rural Tourism**

Shakiroh Saad  
Habibah Ahmad  
Hamzah Jusoh  
Kadaruddin Aiyub  
Noraza Ahmad Zabidi

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Correspondence : Shakiroh Saad (eirakirah\_94@yahoo.com)

#### **ABSTRAK**

*Sektor pelancongan merupakan sektor yang sangat penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pelancongan pantai adalah merupakan salah satu tarikan yang unik dalam industri ini kerana keadaan pantai semula jadi yang cantik telah menarik minat pelancong baik dari dalam maupun dari luar negara untuk datang melancong ke negara ini. Pengenalan konsep pantai pelancongan mesra keluarga merupakan satu strategi pelancongan dalam membangunkan sesebuah pantai yang menawarkan pelbagai kemudahan untuk kepuasan seisi keluarga apabila memilih pantai sebagai destinasi bercuti. Malah pembangunan pantai di kawasan luar bandar juga perlu diberi perhatian dalam membangunkan sesebuah kawasan. Dalam negara-negara membangun, pelancongan pantai di kawasan bandar lebih menjadi tumpuan dalam kalangan pelancong domestik mahupun luar negara ekoran daripada fungsi bandar yang pelbagai dan aktiviti promosi yang giat dijalankan untuk tarikan pelancong berbanding pantai-pantai di kawasan luar bandar. Namun begitu, terdapat pantai-pantai di luar bandar juga mempunyai daya saing untuk dibangunkan. Hal ini dapat dinilai melalui jumlah kedatangan pengunjung yang ketara dalam pelancongan pantai di luar bandar dengan bajet yang berpatutan. Namun, kajian mengenai pantai pelancongan mesra keluarga dalam pelancongan luar bandar seperti Pantai Merdeka masih kurang diselidiki. Malah banyak lagi pantai-pantai di luar bandar yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan. Namun masih kurang dimajukan potensi pelancongan sedia ada. Kajian ini bertujuan untuk melihat penawaran oleh Pantai Merdeka sebagai pantai pelancongan mesra keluarga dalam pelancongan luar bandar. Berdasarkan kaedah persampelan purposive, sebanyak 300 pelancong domestik telah memberikan kerjasama dalam kajiselidik ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada dimensi aktiviti, produk, ruang dan governans dalam menentukan tahap pantai pelancongan mesra keluarga. Hasil kajian mendapati keseluruhan atribut menyumbang dalam membangunkan konsep pantai pelancongan mesra keluarga. Kajian ini mendapati pelancong menerima Pantai Merdeka sebagai pantai pelancongan mesra keluarga apabila diaplikasikan dalam pelancongan luar bandar. Dicadangkan konsep ini digunapakai bukan sahaja untuk memenuhi pihak penyedia pelancongan tetapi juga untuk memenuhi keperluan pelancong di peringkat local dan juga di kawasan luar bandar.*

*Katakunci: Pantai pelancongan mesra keluarga, dimensi aktiviti, produk, ruang dan governans*

#### **ABSTRACT**

*The tourism sector is a very important sector in driving economic growth. Beach tourism is one of the unique attractions in this industry. The beautiful natural beaches have attracted tourists both locals and internationals to travel to this country. The introduction of family-friendly beach tourism is seen as a strategy to develop coastal facilities to satisfy the families when choosing beach vacation destination. However, coastal development in the rural areas is also needed to be developed. In developing countries, coastal tourism in urban areas is more focused of both domestic and overseas due to a variety of urban functions and promotional activities underway to tourist attractions than beaches in the rural areas. However, there are beaches outside the city also has the competitiveness to be developed. This can be proven through a significant number of arrivals in coastal tourism in rural areas. Nevertheless, issues on family-friendly beach tourism in rural tourism such as Pantai Merdeka are rarely investigated. This study aims to uncover to what extent the Pantai Merdeka can be offered as as a family-friendly beach tourism in rural tourism. This assessment focuses on tourists and Pantai Merdeka, Kedah as the study area. Based on a purposive sampling, a total 300 domestic tourists have cooperated in this survey. This study focuses on the dimensions of activities, products, space and governance. The study found that all attributes contributd to the development of the family-friendly tourist beach. This study found that visitors accepted that the Pantai Merdeka as a family-friendly tourist beach when applied in rural tourism. The proposed concept is applicable not only in the tourism providers' system but also in meeting the tourists' needs both locals and rural areas.*

*Keywords: Beach family-friendly tourism, the dimensions of activities, products, space and government.*

## **1. Pengenalan**

Pantai merupakan tarikan pelancongan yang sudah lama bertapak dalam pembangunan pelancongan dunia. Di negara-negara maju, pantai dikunjungi atas 3s dan sering menjadi tumpuan kepada pelancongan massa. Dalam konteks pelancongan kontemporari, pantai menyumbang kepada sumbangan yang besar kepada pendapatan negara. Di Malaysia, terdapat sebahagian besar tarikan pelancongan pantai. Jika dahulu pantai Port Dickson, Pantai Batu Peringgi dan Pantai Cenang menjadi tarikan utama, kini, para pengunjung sentiasa mencari kedamaian di pantai pelancongan di luar bandar.

Pantai-pantai ini juga tidak terkecuali daripada pembangunan dan banyak pantai yang telah dimajukan. Salah satu daripadanya ialah Pantai Merdeka yang terletak di negeri Kedah. Pantai ini didapati juga kerap menjadi tumpuan keluarga terutama dalam kaangan pelancong domestik. Seiring dengan matlamat negara untuk terus memajukan sektor pelancongan, usaha mengangkat dan memberikan penjenamaan kepada pantai ini adalah sangat relevan. Pantai Merdeka dikatakan seharusnya sudah dapat memenuhi c kehendak pengunjung luar bandar bagi tujuan rekreasi. Walau bagaimanapun, kajian tentang hal ini kurang diberikan penekanan, kerana di Malaysia, tiada penarifan yang me nyeluruh tentang inisiatif mengukur elemen yang mendukung pantai pelancongan mesra keluarga. Sehubungan itu makalah ini bertujuan untuk meneliti apakah Pantai merdeka sudah dapat memenuhi kriteria pantai pelancongan mesra keluarga. Dengn melakukan kajian empirikal terhadap keluarga yang sedang berada di Pantai Merdeka pada tempoh kajian, penelitian ini adalah berdasarkan sampel kajian sebanyak 300 responden.

## **2. Kajian Literatur**

Kajian tentang pelancongan pantai agak kurang popular dalam kalangansarjana pelancongan di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian pantai lebih bersifat menekankan kesan

persekitaran fizikal berbanding dengan penghayatan kepada suatu ekosistem pelancongan. Dengan senario pelancongan kini lebih bersifat pengguna, usaha mendapatkan penarafan daripada keluarga mulai dikatakan semakin relevan.


Istilah pantai juga berhadapan dengan dimensi penggunaan dan pengukuran, yakni dalam kalangan pengusaha dan perancang, mereka kerap menggunakan cirian fizikal, sementara dalam kalangan pelancong, kerap kali ukuran fungsian dan aktiviti lebih menjadi ketara. Beberapa kajian di pantai di Malaysia memberikan fokus kepada kesan pembangunan pelancongan dari segi persekitaran pantai dan air laut. Ini termasuk pencirian fizikal dan kandungan air laut di pesisiran pantai.

Sementara itu, di negara-negara maju, kajian telah dapat diguguskan kepada beberapa tema yang menyerlahkan kajian pantai. Dengan adanya jurnal yang memberikan fokus kepada pantai, kajian yang mengungkapkan dimensi pelancongan semakin meluas. Menurut Laporan Unit Perancangan Pembangunan Di Kawasan Pesisiran Pantai, (1999) Kawasan pesisiran pantai merupakan kawasan berpotensi dan menerima tekanan pembangunan yang kuat terutamanya pembangunan berkaitan dengan pelancongan, perindustrian dan pertanian (perikanan). Pembangunan ini sering dikaitkan dengan penurunan kualiti alam sekitar dan eko-sistem kawasan berkenaan. Sehubungan dengan itu pembangunan di kawasan pesisiran perlu dirancang dan dikawal dengan teliti supaya kawasan ini boleh dibangunkan secara optimum dan berkekalan (*sustainable development*) di samping dapat mengurangkan gangguan eko-sistem dan masalah persekitaran. Oleh hal demikian, definisi kawasan pesisiran pantai mengikut Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah satu kawasan pesisiran meliputi kawasan bersempadan 5 km. ke sebelah darat (*back shore*) dan 16.1 km nautika ke sebelah laut dari paras purata air pasang perbani (*shore front*). Kawasan di sebelah darat termasuk sungai dan rizab air hingga ke kawasan yang dipengaruhi oleh air masin (Rajah 1). Daripada tinjauan laporan tersebut jelas menunjukkan kawasan pesisiran pantai di luar bandar berpotensi dibangunkan. Oleh sebab itu, kajian yang dilakukan ini mengukuhkan lagi tanggapan bahawa Pantai Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka ini sesuai dibangunkan sebagai produk pelancongan.

JADUAL 1. Jenis Pantai Garis panduan Pantai

Jenis pantai	Aktiiti	Garis Panduan
Pantai berpasir dan laut	i. Rekreasi	-60 m daripada paras purata air pasang perbani
	ii. Kediaman dan Pelancongan	-500 m daripada paras purata air pasang perbani
	iii. Perindustrian ringan Berat	-60 m daripada paras purata air pasang perbani
	iv. Pertanian	-1000 m daripada paras purata air pasang perbani
Pantai berlumpur	i. Kediaman dan Pelancongan	-400 m daripada paras purata air pasang perbani
	ii. Perindustrian	-1000 m daripada paras purata air pasang perbani (bagi kedua-dua industri ringan dan berat)

Sumber: Laporan Unit Perancangan Pembangunan Di Kawasan Pesisiran Pantai, Perak, (1999)



RAJAH 1. Definisi kawasan pantai

Tambahan lagi, Gee et al., (1984) pula mengemukakan elemen perancangan untuk dijadikan asas pembangunan sesebuah destinasi pelancongan meliputi analisis pasaran, penilaian sumber semula ada, promosi, ekonomi, kewangan, alam sekitar dan impak sosial. Kesemua elemen ini kemudiannya diterjemahkan dalam konteks pelaksanaan berteraskan daya tarikan unggul, kebudayaan, potensi penciptaan peluang pekerjaan dan guna tenaga, infrastruktur, pengangkutan, khidmat sokongan dan juga penginapan. Oleh sebab itu, kajian Gee et al. tersebut dapat menjadi alat penilaian dalam melihat pembangunan yang berlaku di Pantai Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka sebagai pantai pelancongan mesra keluarga. Sehubungan itu, elemen yang dikemukakan juga dapat membantu dalam metodologi kajian ini.

Sementara itu, Holloway, (1983) pula berpendapat bahawa kejayaan sesuatu destinasi pelancongan bergantung kepada perhubungan antara tiga faktor asas iaitu daya tarikan, kemudahan dan kesampaian destinasi. Asas permintaan sesebuah destinasi merupakan daya tarikan yang ditawarkan (semulajadi dan *artificial*). Daya tarikan sesebuah destinasi juga *intangibile* bergantung kepada imej yang dibentuk oleh bakal pelancong. Holloway memberikan dua contoh destinasi yang mempunyai daya kesampaian yang tinggi iaitu sebuah bandar raya di Britain (Bath) dan Berammergau, iaitu sebuah perkampungan peranginan (village resort) di Jerma Barat. Daripada kajian yang dikemukakan oleh Holloway tersebut menunjukkan bahawa kawasan perkampungan juga mampu menjadi tarikan dan produk pelancongan. Hal ini lebih meyakinkan untuk pembangunan pantai pelancongan mesra keluarga di kawasan persisiran pantai luar bandar seperti Tanjung Dawai dan Pantai merdeka yang terletak di kawasan kecil pekan. Meskipun begitu, kawasan ini menjadi tumpuan pengunjung juga ekoran daripada kesampaian dari segi jalan raya, dan kemudahan awam yang lain mampu menarik ramai pengunjung ke pantai ini.

Di samping itu, imej destinasi juga amat penting untuk menarik ramai pengunjung. Menlihat kepada kajian yang dilakukan oleh Bukhari dan Medlik (1974). Beliau mengemukakan tiga komponen produk pelancongan yang membentuk imej sesebuah destinasi. Komponen produk yang pertama ialah daya tarikan sesebuah destinasi termasuklah imej yang ada pada minda pelancong. Kedua, kemudahan yang disediakan di destinasi tersebut seperti penginapan, restoran (makanan dan minimum, hiburan dan rekreasi manakala komponen ketiga ialah kesampaian ke destinasi yang mudah. Oleh sebab itu, komponen yang dikemukakan oleh beliau ini menjadi satu pandu arah untuk menilai sejauhmana komponen ini

dititikberatkan di Pantai Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka ini untuk dibangunkan sebagai pelancongan pantai mesra keluarga.

Jelaslah daripada tinjauan kajian lepas, pembangunan pelancongan amat penting dalam memaju negara kearah berdaya saing dengan negara lain. Oleh hal demikian, kawasan yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan haruslah dibangunkan secara optimum agar dapat mewujudkan pelancongan lestari. Tambahan lagi, kawasan luar bandar juga berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan. Ekoran itu, harus mengenalpasti dan menilai komponen untuk sesebuah pantai pelancongan mesra keluarga terhadap kedua-dua pantai ini.

Daripada tinjauan, didapati dalam menggariskan kerangka teoretis untuk meneliti pelancongan pantai luar bandar adalah agak sukar, ini kerana ia tiada ukuran yang jitu standard yang perlu dicapai antara pelancong pantai di bandar dan di luar bandar. Berasaskan kriteria yang telah dipetik daripada siri penelitian

### 3. Kerangka Kajian



Rajah 2. Model kendalian  
 Sumber: Habibah Ahmad et al., 2016

### ***Pantai-pantai menarik di negeri Kedah***

Negeri kedah juga mempunyai tarikan pantai yang dibangunkan untuk tujuan pelancongan. Berdasarkan penelitian data sekunder, pantai yang menarik di Kedah meliputi pantai berikut. Latar pantai ini menunjukkan potensi ia kekal menjadi tarikan pelancongan.

- i. Pantai Cenang, Langkawi. Pantai Cenang terletak 18.4 kilometer dari pekan Kuah dan ia merupakan lokasi paling ramai dikunjungi kerana segala kemudahan seperti restoran, hotel serta chalet bajet, pusat hiburan dan kedai cenderamata mudah ditemui di sepanjang lokasi ini. Pantainya pula berpasir halus umpama kristal berkerlipan ketika disinari cahaya matahari dan dikelilingi oleh pokok kelapa. Pantai Cenang juga terkenal dengan keindahan matahari terbenam dan di sebelah malamnya pula dipenuhi dengan pelbagai aktiviti, selagi cahaya neon menyala selagi itulah pantai tersebut hidup dengan pelbagai gelagat pengunjung
- ii. Pantai Pasir Hitam mempamerkan satu fenomena yang agak unik kerana di pantai sepanjang hampir setengah kilometer ini terdapat pasir hitam pekat berkilat. Bahagian ini merupakan teluk berkelebaran sekitar 15 meter pada masa surut. Secara mendadak tebing pantai merupakan satu cerun hampir menegak. Analisis menunjukkan kira-kira 35% daripada pasir di sini terdiri daripada kuarza yang berwarna cerah keperangan manakala selebihnya (sekitar 65%) terdiri daripada mineral berwarna hitam. Mineral hitam yang membentuk pantai di sini terdiri daripada tourmalin dan oksida besi yang dikenali sebagai ilmenit. Kelainan warna pasir telah menarik perhatian masyarakat awam.
- iii. Pantai Pasir Tengkorak. Pantai ini merupakan sebuah pantai yang menarik minat pelancong. Pantai ini dikenali kerana mempunyai air yang jernih dan pasir yang bersih. Pasir di sini merupakan pasir berbutir halus dan mempunyai isihan yang agak baik. Di sini juga terdapat pantai berbatu yang menarik. Pantai berbatu membentuk pentas hakisan laut dan tebing curam membolehkan pelbagai fitur geologi dicerap. Di antara struktur sedimen primer yang dijumpai di sini ialah perlapisan, laminasi, perlapisan silang, kesan riak dan struktur perlepasan air. Berdasarkan kehadiran struktur primer ini, sekitaran endapan batuan Formasi Machinchang di sini ditafsirkan sebagai endapan berhampiran pantai.
- iv. Pantai Tanjung Rhu. Pantai ini terletak di pesisir pantai utara Pulau Langkawi. Pengunjung boleh mengakses pantai dari jalan Jalan Tanjung Rhu dan kemudian mengambil lencongan dengan jalan pantai yang pergi sepanjang jalan dan berakhir di pantai. Ia adalah kira-kira 22kms dari Kuah Town. Pengunjung boleh datang ke pantai dengan teksi (RM40 tambang dari Kuah) atau dengan sebuah kereta yang disewa. Keistimewaan dari segi kecantikan pasir pantai dan air lautnya sangat menarik. Selain itu, kawasan pantai ini juga tidak sesibuk seperti Pantai Cenang dan pengunjung dapat beriadah dengan tenang tanpa kesesakan terutamanya pada waktu cuti.
- v. Pantai Tengah, Langkaw i. Pasir pantai disini juga bersih dan air lautnya juga agak tenang untuk aktiviti main air laut. Selain itu, pantai ini juga menawarkan pelbagai kemudahan aktiviti sukan air yang boleh dicuba oleh pengunjung seperti jetski, parasailing dan sebagainya. Tambahan lagi, pada waktu petang pemandangan matahari terbenam dari Pantai Tengah dan ditambah pula dengan struktur pemandangan sekeliling yang sangat cantik mampu menambat hati pengunjung.



Pantai Cenang



Pantai Pasir Hitam, Langkawi



Pantai Pasir Tengkorak



Pantai Tanjung Rhu



Pantai Tengah, Langkawi



Pulau Payar Marine Park, Langkawi



Pulau Beras Basah, Langkawi



Tanjung Dawai

Rajah 3. Pantai-pantai di Kedah

- vi. Pulau Payar Marine Park, Langkawi. Pulau ini terletak di tenggara pulau utama Langkawi. Pulau ini terkenal sebagai destinasi terbaik untuk melihat hidupan marin. Di sini juga terdapat beberapa pantai pasir yang sangat sesuai untuk berkelah bersama keluarga. Malah bagi mereka yang ingin *hiking* menerokai Pulau Payar, terdapat denai yang telah disediakan untuk pengunjung. Keistimewaan lagi, pengunjung dapat melihat hidupan marin hanya di tepi-tepi pantai seperti anak ikan yu dan sebagainya.
- vii. Pulau Beras Basah, Langkawi. Keistimewaan di pulau ini pengunjung dapat melakukan aktiviti pantai seperti snorkeling dan mencuba permainan air seperti banana ride, parasailing dan sebagainya. Tambahan lagi, air lautnya yang sangat jernih dan pasirnya pula bersih memberi kepuasan kepada pengunjung. Pengunjung ke sini perlu menaiki bot.
- viii. Tanjung Dawai. Tanjung Dawai terletak 30 KM dari Sungai Petani, Kedah ini. Selain menjadi tempat pengumpulan hasil laut, Tanjung Dawai juga menjadi akses kepada pengunjung yang mahu ke Pantai Merdeka. Kalau naik kereta nak kena pusing jauh kalau nak ke Pantai Merdeka. Maka dengan itu bot laju menjadi pilihan bagi pengunjung yang ingin ke Pantai Merdeka. Bayaran sebanyak RM 2.00 seorang dikenakan bagi yang mahu ke seberang sana. Pantai Merdeka ni jadi tempat lepak golongan muda-mudi di kala petang sambil menghirup angin laut. Ada pelbagai gerai yang menjual makanan serta minuman dan selalunya menjadi tumpuan anak muda di hujung minggu.

#### **4. Metodologi**

##### ***Pantai Merdeka sebagai Kawasan Kajian***

Pantai Merdeka salah satu tempat pelancongan yang terletak di kawasan luar Bandar di daerah Kuala Muda. Pantai Merdeka merupakan lokasi percutian pelancong dan tempat menarik yang menjadi tumpuan penduduk di sekitar daerah Kuala Muda. Ramai yang mengunjungi pantai ini bersama keluarga, rakan-rakan dan secara berkumpulan untuk bermandi laut, berkhemah atau bersantai melihat pemandangan laut yang indah di sekitar ini. Pengunjung pasti terpesona melihat Gunung Jerai yang tersegam indah dan juga pecan Tanjung Dawai yang terletak bertentangan dengan Pantai Merdeka. Pantai ini sentiasa dipenuhi keluarga pada waktu petang, hujung minggu dan musim cuti sekolah. Kemudahan yang terdapat disini dari segi penginapan seperti resort, chalet dan homestay dan kemudahan awam seperti tandas awam, medan selera, surau, gerai jualan, bot pelancong, tapak perkhemahan dan pondok istirehat.





### ***Data dan Analisis***

Pengedaran borang soal selidik di lapangan telah berlangsung selama 4 minggu bermula pada bulan Mac namun pemerhatian awal dilakukan terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat mengenai penawaran Pantai Merdeka sebagai pelancongan mesra keluarga. Dalam kaedah kuantitatif, data daripada borang soal selidik dianalisis dan diproses melibatkan frekuensi, peratusan serta nilai mean melalui perisian Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 24 for Windows. Analisis kebolehpercayaan borang soal selidik telah menggunakan skala Alpha Cronbach iaitu koefisien atau pekali kebolehpercayaan. Mengikut skala Alpha Cronbach, tahap kebolehpercayaan adalah lemah sekiranya analisis memperoleh skala kurang daripada 0.6, manakala kebolehpercayaan tinggi jika nilainya menghampiri 1.0 (Piaw 2006). Dalam soal selidik ini, analisis Alpha Cronbach tertumpu kepada Dimensi aktiviti, produk, ruang dan government serta faedah pelancongan dalam borang soalan soal selidik Bahagian E dan F. Hal ini kerana bahagian tersebut mengandungi soalan-soalan yang menjurus kepada objektif kajian. Justeru, nilai Alpha Cronbach untuk dimensi aktiviti adalah 0.917, dimensi produk 0.977, dimensi ruang 0.799 dan dimensi government 0.973. dan ini bermakna tahap kebolehpercayaannya adalah sangat tinggi.

## **5. Dapatan dan perbincangan**

### ***Profil Responden***

Kajian ini dilakukan keatas 300 responden pada tahun 2017 di Pantai Merdeka. Berdasarkan jadual 1 bagi mendapatkan pandangan mereka, borang soal selidik diedarkan kepada responden lelaki dan perempuan secara sukarela di tempat kajian. Hasil analisis mendapati 37.3% adalah responden lelaki dan sebanyak 62,7% perempuan. Hasil analisis ini mendapat perspektif yang agak seimbang antara lelaki dan perempuan yang melancong ke pantai ini.

Daripada latar sosio-demografi, purata umur menunjukkan lingkungan umur antara 26-35 tahun iaitu merangkumi 37.0%. peringkat umur ni adalah golongan yang paling aktif melakukan aktiviti pelancongan di Pantai Merdeka. Golongan kedua ialah berumur antara 17-25 tahun (31.3%). seterusnya golongan yang berumur 36-45 tahun (21.0%), responden yang berumur 46-55 tahun (7.0%), responden yang berumur 56-65 tahun (3.0%) dan responden yang berumur 60 dan keatas (0.7%). Kebanyakan para pengunjung ini terdiri daripada berkeluarga dan berkahwin iaitu 64.7%, manakala yang masih bujang sebanyak 33.7%.

Manakala Janda/Duda sebanyak 1.7%. Hal ini menunjukkan tumpuan pantai ini majoritinya seisi keluarga.

JADUAL 1. Latar Belakang Responden

		Bilangan	Peratus(%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	112	37.3
	Perempuan	188	62.7
<b>Umur</b>	17-25 tahun	94	31.3
	26-35 tahun	111	37.0
	36-45 tahun	63	21.0
	46-55 tahun	21	7.0
	56-65 tahun	9	3.0
	66 tahun keatas	2	0.7
<b>Status</b>	Berkahwin	194	64.7
	Bujang	101	33.7
	Janda/Duda	5	1.7
<b>Tempat Tinggal</b>	Daerah Kuala Muda	203	67.7
	Daerah Yan	4	1.3
	Daerah Baling	3	1.0
	Daerah Kota Setar	15	5.0
	Daerah Kulim	5	1.7
	Daerah Padang Terap	3	1.0
	Daerah Seberang Prai Utara	38	12.7
	Pulau Pinang	7	2.3
	Perak	10	3.3
	Port Dickson	6	2.0
	Pahang	2	0.7
	Johor	2	0.7
	Sarawak	2	0.7
<b>Sektor</b>	Kerajaan	63	21.0
	Swasta	143	47.7
	Persendirian	61	20.3
	Tidak Bekerja	12	4.0
	Pelajar	21	7.0
<b>Pendapatan Keluarga : RM</b>	RM3000 dan kebawah	208	69.3
	RM3001-RM6000	84	28.0
	RM6001-RM9000	6	2.0
	RM12,001-RM15,000	2	0.7
	Total	300	100.0

Sumber:Kajian Lapangan 2017

Sebagai kawasan pelancongan luar bandar, pantai Merdeka telah menarik kedatangan pengunjung daripada pelbagai kawasan. Walau bagaimanapun sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang datang dari daerah dan kawasan yang berdekatan. Kajian menunjukkan paling tinggi pengunjung yang datang adalah dari daerah Kuala Muda iaitu sebanyak 67.7%, diikuti daerah Seberang Prai Utara 12.7% dan paling rendah pengunjung dari Pahang, Johor dan Sarawak masing-masing seramai 0.7%. Pengunjung yang datang dari luar daerah Kuala Muda ini masing-masing bertujuan melawat saudara mara dan lain-lain tujuan.

Percutian di Pantai Merdeka ini adalah satu percutian bajet yang mampu untuk semua golongan. Daripada sektor pekerjaan, rata-rata pengunjung mendominasi pekerja di sektor swasta 47.7% diikuti sektor kerajaan 21.0%. Seterusnya, persendirian 20.3%, tidak bekerja 4.0% yang terdiri daripada surirumah dan akhir sekali pelajar merangkumi 7.0%

Anggaran pendapatan keluarga bulanan (dinilai dalam matawang RM) pula responden yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah RM3000 (69.3%). Ini diikuti penapatan bulanan dalam lingkungan RM3001-RM6000 (28.0%), lingkungan RM6001-RM9000 (2.0%) dan yang terakhir lingkungan RM12,001-RM15,000 (0.7%). Keadaan ini menunjukkan keluarga mampu untuk bercuti di pantai ini dan kualiti hidup yang baik walaupun berada di luar bandar.

### ***Penilaian Pelancong terhadap keupayaan Pantai Merdeka sebagai Pantai mesra keluarga***

Dalam kajian ini, penilaian terhadap keupayaan Pantai Merdeka menjadi sebuah pantai mesra keluarga diteliti dengan beberapa domain dan parameter yang terkait dengan nya. Pengkaji telah membahagikan domain mesra keluarga terdiri daripada empat iaitu pantai merdeka sebagai aktiviti, produk ,ruang dan government. Terdapat beberapa elemen yang mendukung domain dan ia dibentuk berasaskan gabungan kajian-kajian kajian faktor yang mendukung pantai pelancongan.

#### **i. Pola Kunjungan ke Pantai Merdeka**

Berdasarkan jadual 2, tujuan kedatangan pelancong ke Pantai Merdeka untuk tujuan *percutian/rekreasi* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 27.7% manakala ‘tidak’ sebanyak 72.3%. Seterusnya, *bertujuan mengenali destinasi* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 10.7% kurang berbanding menyatakan ‘tidak’ sebanyak 89.3%. Hal demikian kerana kebanyakan pengunjung adalah tinggal berdekatan dengan kawasan Pantai Merdeka.

JADUAL 2. Tujuan Kedatangan Pelancong ke Pantai Merdeka

		Bilangan	Peratus (%)
Percutian/ Rekreasi	Ya	83	27.7
	Tidak	217	72.3
Ingin mengenali destinasi	Ya	32	10.7
	Tidak	268	89.3
Melawat kawan dan saudara	Ya	58	19.3
	Tidak	242	80.7
Menghabiskan masa lapang bersama keluarga	Ya	212	70.7
	Tidak	88	29.3
Pantai berhampiran dengan rumah/ kediaman	Ya	49	16.3
	Tidak	251	83.7

Hobi melancong bersama keluarga	Ya	31	10.3
	Tidak	269	89.7
Acara sukan/ hari keluarga tempat kerja	Ya	38	12.7
	Tidak	262	87.3
Lain-lain, nyatakan	Ya	2	0.7
	Menikmati pemandangan pantai		
	Tidak	298	99.3
	Total	300	100.0

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Selain itu, bertujuan *melawat kawan dan saudara* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 19.3% dan ‘tidak’ sebanyak 80.7%, bertujuan *menghabiskan masa lapang dengan keluarga* responden yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 70.7% lebih tinggi berbanding ‘tidak’ 29.3% sahaja, menyatakan *pantai berhampiran dengan rumah/kediaman* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 16.3% dan ‘tidak’ 83.7%, menyatakan *hobi melancong bersama keluarga* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 10.3% dan ‘tidak’ sebanyak 89.7% dan bertujuan *acara sukan/hari keluarga tempat kerja* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 10.3% kurang daripada yang menyatakan ‘tidak’ sebanyak 89.7%. Sementara yang terakhir berujuan *Bekerja/pengusaha* yang menyatakan ‘ya’ sebanyak 12.7% dan tidak 87.7%. Manakala lain-lain tujuan menyatakan ‘ya’ sebanyak 0.7% iaitu bertujuan menikmati pemandangan pantai dan menyatakan ‘tidak’ sebanyak 99.3%. Purata menunjukkan tujuan kedatangan pengunjung ke Pantai Merdeka adalah untuk menghabiskan masa lapang bersama keluarga.

Hasil jadual 3 menunjukkan pengunjung lebih memilih pergi balik hari iaitu merangkumi 91.0% dan memilih untuk bermalam sebanyak 9.0%. Hal demikian kerana pengunjung kebanyakannya tinggal berdekatan. Manakala yang bermalam adalah pengunjung yang berasal dari luar negeri Kedah seperti Perak, Pahang, Johor dan Sarawak.

JADUAL 3. Tempoh tinggal di destinasi, jenis kunjungan dan pengangkutan ke Pantai Merdeka

		Bilangan	Peratus (%)
Tempoh tinggal di destinasi:	Bermalam	27	9.0
	Pergi balik hari	273	91.0
Jenis Kunjungan	Berkumpulan	27	9.0
	Bersama Keluarga	273	91.0
Pengangkutan ke sini.	Persendirian	296	98.7
	Kenderaan awam/sewa	4	1.3
	Total	300	100.0

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa separuh daripada responden (91.0%) ke Pantai Merdeka bersama keluarga dan diikuti berkumpul sebanyak 9.0%. Selain itu, rata-rata menggunakan mod kenderaan sendiri sebanyak 98.7% lebih tinggi berbanding kenderaa awam/sewa sebanyak 1.3%. Hal ini kerana pengangkutan awam kurang kedapatan.

**ii. Penawaran Pantai Merdeka Sebagai Pantai Pelancongan Mesra Keluarga**

Dalam mengenalpasti penawaran Pantai Merdeka sebagai pantai pelancongan mesra keluarga, terdapat dimensi aktiviti, dimensi produk, dimensi ruang dan dimensi government dan komponen dalam setiap dimensi tersebut dikemukakan bagi mendapatkan perspektif responden terhadap tahap kepuasan atau kepentingan sesuatu keistimewaan yang ditawarkan oleh Pantai Merdeka kepada pengunjung. Malah bukan itu sahaja ia juga penting dalam konsep pelancongan mesra keluarga bagi sesebuah pantai pelancongan dalam kategori luar bandar. Oleh hal demikian, nilai min dapat dilihat melalui jadual-jadual berikut;

***Dimensi aktiviti***

Dalam dimensi merangkumi komponen seperti komponen aktiviti pantai, budaya, segmen pengguna dan masa.

Jadual 4 menunjukkan keseluruhan nilai min untuk dimensi aktiviti komponen aktiviti pantai. Nilai min yang paling tinggi iaitu 4.05 adalah atribut '*harga untuk aktiviti pantai adalah berpatutan*'. Penawaran harga yang berpatutan terhadap sesuatu kemudahan dan barangan amat mempengaruhi pilihan pelancong. Hal demikian kerana rata-rata pengunjung inginkan percutian bajet yang memberi kepuasan terhadap pelaburan yang dilakukan. Seterusnya, kedudukan nilai min paling rendah adalah rtribut '*penawaran pelbagai pilihan aktiviti dan sukan air kepada ahli sesebuah keluarga*' iaitu 3.49. Hal demikian kerana, Pantai Merdeka kurang aktiviti sukan air dan hanya terdapat bot penumpang yang hendak ke Pantai Tanjung Dawai. Keadaan ini menyebabkan pantai agak kosong dan hanya dapat bermandi-manda serta memancing. Tambahan lagi, kekurangan aktiviti sukan air menyebabkan daya tarikan pelancong kurang. Purata bagi komponen aktiviti pantai ialah 3.81 menunjukkan artribut tersebut penting dalam membangunkan sesebuah pantai pelancongan mesra keluarga dalam kawasan luar bandar.

JADUAL 4. Komponen Aktiviti Pantai

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Penawaran pelbagai pilihan aktiviti dan sukan air kepada ahli sesebuah keluarga.	3.49	0.848	5
Aktiviti yang ditawarkan adalah untuk memenuhi pengalaman yang diperlukan oleh pelancong.	3.69	0.932	4
Aktiviti pantai prihatin golongan OKU dan kanak-kanak disediakan.	3.80	1.030	3
Aktiviti pantai selamat kepada semua keluarga.	4.01	0.871	2
Harga untuk aktiviti pantai adalah berpatutan.	4.05	0.933	1
	<b>3.81</b>	<b>0.923</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Dalam komponen budaya, nilai min paling tinggi 4.24 ialah atribut '*budaya rekreasi pantai yang menepati citarasa keluarga seperti kepelbagaian makanan, aktiviti mempengaruhi kunjungan ulangan seisi keluarga*' (jadual 5). Penawaran barangan atau perkhidmatan di Pantai Merdeka menimbulkan kepuasan kepada semua seisi keluarga. Hal demikian menyebabkan kunjungan ulangan pelancong untuk mendapatkan sesuatu produk yang menjadi tarikan keluarga. Sementara itu, nilai min yang paling rendah 3.77 adalah atribut '*pantai Pelancongan menepati budaya melancong keluarga*'. Hal ini berkemungkinan kerana aktiviti untuk seisi keluarga masih belum mencapai tahap kepuasan hati pelancong kerana pantai mempunyai aktiviti yang terhad. Purata bagi komponen budaya ialah 4.02 sangat penting dalam menyatupadukan komuniti melalui aktiviti pelancongan.

JADUAL 5. Komponen Budaya

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Pantai Pelancongan menepati budaya melancong keluarga.	3.77	0.722	5
Pantai pelancongan mesra susila masyarakat Malaysia.	3.98	0.840	3
Pantai pelancongan menerapkan konsep nilai bangsa dalam dan tidak bias pada etnik tertentu sahaja.	3.96	0.843	4
Pantai pelancongan meningkatkan budaya rekreasi pantai.	4.14	0.765	2
Budaya rekreasi pantai yang menepati citarasa keluarga seperti kepelbagaian makanan, aktiviti mempengaruhi kunjungan ulangan seisi keluarga.	4.24	0.743	1
	<b>4.02</b>	<b>0.782</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Dalam komponen segmen pengguna pula, pengkaji ingin melihat sesuatu kepuasan yang diterima oleh pengunjung terhadap tawaran oleh Pantai Merdeka kepada seisi keluarga. Nilai min paling tinggi 4.28 iaitu atribut '*pantai Merdeka sesuai semua keluarga tanpa kira etnik dan pendapatan*'. Destinasi pantai adalah untuk semua golongan dan menyediakan pelbagai aktiviti untuk seisi keluarga seperti berkelah, bermandi-manda dan menikmati pemandangan laut (jadual 6). Nilai min paling rendah pula 4.13 ialah atribut '*Pantai Merdeka menepati keperluan keluarga luasan*'. Keadaan ini menunjukkan kunjungan pelancong selalunya terdiri daripada keluarga asas. Malah besar atau kecil jumlah anggota sesebuah keluarga juga berpengaruh untuk mengadakan sesuatu perjalanan. Biasanya keluarga yang mempunyai anggota yang kecil lebih banyak melancong dan dapat membuat simpanan namun berbeza dengan keluarga luas. Purata bagi komponen segmen pengguna ialah 4.21.

JADUAL 6. Komponen Segmen Pengguna

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Pantai Merdeka sesuai untuk seisi keluarga.	4.18	0.589	4
Pantai Merdeka menepati keperluan keluarga luasan.	4.13	0.708	5
Pantai Merdeka sesuai semua keluarga tanpa kira etnik dan pendapatan.	4.28	0.736	1
Pantai Merdeka sesuai untuk kedua-dua pelancong keluarga domestik dan antarabangsa.	4.23	0.766	3
Pantai Merdeka sesuai untuk keluarga asas.	4.25	0.806	2
	<b>4.21</b>	<b>0.721</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Komponen masa dalam jadual 7 amat penting dalam menilai kedatangan pelancong ke sesebuah pantai bukan sahaja menilai dari segi kemudahan yang disediakan. Nilai min paling tinggi 4.41 adalah atribut '*keluarga kunjungi Pantai Merdeka paling ramai ketika ada acara seperti expo/karnival*'. Jumlah kunjungan lebih tinggi ketika terdapatnya sesuatu program berbanding hari-hari biasa kerana aktiviti atau program merupakan daya tarikan kepada pelancong dengan terdapatnya pelbagai jualan dan aktiviti. Hal ini menyebabkan keadaan pantai tidak sunyi tanpa aktiviti. Pelbagai program yang dianjurkan adalah menjadi tujuan kenapa pelancong datang ke pantai tersebut. Setereusnya nilai min paling rendah ialah 4.08 iaitu atribut '*keluarga kunjungi Pantai Merdeka bila-bila masa*'. Keadaan ini menunjukkan pelancong akan berkunjung mengikut kelapangan dan keinginan untuk melancong tanpa perancangan. Purata bagi komponen masa ialah 4.26 menunjukkan sangat penting dalam pelancongan mesra keluarga.

Jadual 7. Komponen Masa

Penyataan	Min	Sisihan piawai	Rank Kedudukan
Keluarga kunjungi Pantai Merdeka bila-bila masa.	4.08	0.612	5
Keluarga kunjungi masa cuti sekolah sebagai masa terbaik.	4.24	0.623	4
Keluarga kunjungi Pantai Merdeka hujung minggu.	4.31	0.690	2
Keluarga kunjungi Pantai Merdeka masa umum.	4.28	0.704	3
Keluarga kunjungi Pantai Merdeka paling ramai ketika ada acara seperti expo/karnival.	4.41	0.691	1
	<b>4.26</b>	<b>0.664</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

### *Dimensi Produk*

Dalam dimensi produk komponen yang terdapat ialah komponen ciri fizikal, penginapan, makan-makan dan membeli-belah/cenderahati. Data-data komponen adalah seperti berikut;

Komponen ciri fizikal dalam jadual 8 merangkumi keadaan persekitaran yang ditawarkan oleh Pantai Merdeka kepada pelancong sebagai daya tarikan. Nilai min paling



tinggi 4.29 bagi atribut *'pantai yang sesuai untuk kegunaan riadah'*. Pantai Merdeka menawarkan persekitaran pantai yang luas dan sesuai untuk seisi keluarga beristirahat dan beraktiviti. Malah pelancong banyak pilihan. Sementara itu, nilai min paling rendah ialah 3.87 iaitu artribut *'pantai menawakan kepelbagaian ciri fizikal seperti panorama semulajadi dan buatan manusia yang bersifat mesra pelancong'*. Keadaan ini menunjukkan Pantai Merdeka kekurangan dari segi kemudahan. Purata bagi komponen ciri fizikal ialah 4.05 amat penting dalam menarik pelancong.

Jadual 8. Komponen Ciri Fizikal

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Pantai menawakan kepelbagaian ciri fizikal seperti panorama semulajadi dan buatan manusia yang bersifat mesra pelancong.	3.87	0.681	8
Persekitaran pantai yang menarik dan mendamaikan.	4.12	0.752	2
Pantai yang tidak tercemar, bersih dan selamat untuk keluarga.	3.96	0.930	7
Pantai yang stabil dan tiada hakisan.	4.02	0.925	5
Pantai tiada ancaman tsunami.	4.07	0.825	4
Pantai yang sesuai untuk kegunaan riadah.	4.29	0.650	1
Tiada bahan terampai yang mencemarkan.	4.00	0.900	6
Keadaan pantai yang landai.	4.10	0.826	3
	<b>4.05</b>	<b>0.811</b>	

Sumber:Kajian Lapangan 2017

Berdasarkan jadual 9 komponen penginapan, nilai min paling tinggi ialah 4.19 iaitu atribut *'pengurusan tempahan bilik yang cepat dan cekap'*. Keadaan ini memberi kepuasan kepada pelancong yang datang menginap di resort-resort di Pantai Merdeka. Hal ini menunjukkan pelancong mudah mengakses tempat penginapamn tersebut. Manakala nilai min paling rendah ialah 3.89 iaitu atribut *'penyediaan cctv di kawasan penginapan untuk tujuan keselamatan'*. Hal ini menunjukkan pengurusan penginapan kurang mengambil tahu mengenai pemasangan cctv di kawasan yang penting. Terdapat juga cctv yang tidak disenggarakan dan tidak berfungsi. Keadaan ini akan menjejaskan tahap keselamatan penginap. Purata bagi komponen penginapan ialah 4.11.

Jadual 9. Komponen Penginapan

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Penyediaan cctv di kawasan penginapan untuk tujuan keselamatan.	3.89	0.806	4
Lokasi penginapan berdekatan dengan pantai.	4.18	0.738	2
Harga sewaan bilik berpatutan.	4.11	0.750	3
Pilihan penginapan yang menepati kehendak keluarga.	4.18	0.762	2
Penawaran pakej yang baik dan kompetitif.	4.07	0.794	
Jenama mengikut kehendak dan keupayaan keluarga.	4.11	0.785	3



Keadaan bilik yang terjaga dan dalam keadaan baik serta menyediakan keperluan yang mencukupi.	4.18	0.715	2
Pengurusan tempahan bilik yang cepat dan cekap.	4.19	0.721	1
	<b>4.11</b>	<b>0.759</b>	

Sumber: Kajian Lapngan 2017

Sementara itu jadual 10 menunjukkan komponen makan-makan juga amat penting dan adalah keperluan untuk pelancong. Nilai min paling tinggi bagi komponen ini ialah 4.20 bagi atribut '*gerai/restoran menawarkan harga barangan, makanan, dan minuman yang berpatutan*'. Penawaran harga makanan yang berpatutan dapat mengurangkan kos perbelanjaan pelancong. Malah harga yang berpatutan juga dapat menarik lebih ramai pelancong. Nilai min paling rendah ialah 4.01 iaitu atribut '*gerai/ restoran menjaga kebersihan dan kualiti makanan*'. Melihat kepada keadaan restoran yang kurang bersih telah menimbulkan ketidakselesaan kepada pelancong. Purata bagi komponen makan-makan ialah 4.12.

Jadual 10. Komponen Makan-makan

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Gerai/restoran mudah didapati.	4.13	0.646	4
Gerai/ restoran menjaga kebersihan dan kualiti makanan.	4.01	0.749	7
Gerai/restoran menyediakan pilihan makanan.	4.16	0.683	3
Gerai/restoran menawarkan harga barangan, makanan, dan minuman yang berpatutan.	4.20	0.757	1
Gerai/restoran menyediakan makanan yang menepati kehendak ahli keluarga.	4.13	0.722	4
Gerai/restoran menawarkan suasana santai sesuai untuk keluarga.	4.18	0.706	2
Gerai/restoran mesra pelanggan dan keluarga.	4.10	0.737	5
Penyediaan tempat BBQ.	4.05	0.832	6
	<b>4.12</b>	<b>0.729</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Berdasarkan jadual 11, komponen membeli-belah/cenderamata nilai min paling tinggi ialah 3.81 bagi atribut '*kemudahan menyediakan pelbagai pilihan pengunjung*'. Pantai Merdeka menawarkan pelbagai pilihan cenderahati terutamanya terdapat expo dengan penawaran harga yang berpatutan. Seterusnya nilai min yang paling rendah ialah 3.68 bagi atribut '*kemudahan kedai runcit di lokasi*'. Hasil pemerhatian juga menunjukkan di Pantai Merdeka kekurangan kedai-kedai runcit dan sukar mendapatkan kerana terlerak agak jauh dari kawasan pantai. Purata bagi komponen membeli-belah/cenderahati ialah 3.73.

Jadual 11. Komponen Membeli-belah/Cenderahati

	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Kemudahan kedai runcit di lokasi.	3.68	0.857	7
Tempat membeli-belah/cenderahati yang menarik dan senang didapati.	3.75	0.919	4
Penjualan peralatan sukan air, permainan kanak-kanak.	3.73	0.946	5
Kemudahan kedai 24 yang mudah akses.	3.59	1.026	8
Penawaran harga yang berpatutan terhadap cenderahati.	3.77	0.883	3
Kemudahan menyediakan pelbagai pilihan pengunjung.	3.81	0.905	1
Penyediaan barangan yang mengikut fesyen permintaan terkini.	3.71	0.846	6
Pembekalan barangan berterusan.	3.78	0.936	2
	<b>3.73</b>	<b>0.915</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

### *Dimensi Ruang*

Dimensi ruang juga memainkan peranana penting dalam pembangunan pantai pelancongan mesra keluarga. Dalam dimensi ini membincangkan tentang komponen kemudahan awam, rekreasi, ekonomi/kos dan hospitaliti. Berdasarkan jadual 12 komponen kemudahan awam merangkumi 8 atribut. Justeru nilai min paling tinggi adalah atribut '*kemudahan tong sampah yang mudah dicapai*' iaitu 4.16. Penyediaan tong sampah oleh pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani memudahkan pelancong mendapatkannya dan kebersihan terjamin. Sementara itu, nilai min paling rendah ialah 3.79 iaitu '*kemudahan infrastruktur mencukupi dan berkualiti*'. Hal ini kerana kemudahan yang disediakan di Pantai Merdeka masih lagi kurang terutamanya seperti surau, tandas, pondok serta pilihan restoran. Keadaan ini menimbulkan kelemahan dari segi tarikan pelancong. Purata min bagi komponen kemudahan awam ialah 4.03.

Jadual 12. Komponen Kemudahan Awam

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Kemudahan infrastruktur mencukupi dan berkualiti.	3.79	0.730	8
Penyediaan tapak letak kereta yang mencukupi.	4.09	0.692	3
Kemudahan untuk OKU dan warga emas mencukupi dan berkualiti.	4.01	0.797	6
Jaringan pengangkutan awam yang lancar dan cepat.	3.93	0.839	7
Penyediaan jalan raya yang terancang untuk mengunjungi lokasi pantai.	4.05	0.748	5
Penyediaan petunjuk arah yang jelas dan informatif.	4.12	0.756	2

Kemudahan tandas,tempat mandi dan surau.	4.08	0.881	4
Kemudahan tong sampah yang mudah dicapai.	4.16	0.810	1
	<b>4.03</b>	<b>0.782</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Jadual 13 menunjukkan komponen kemudahan rekreasi. Nilai min paling tinggi ialah 4.18 iaitu atribut '*kemudahan kawasan perkhemahan selamat*'. Pantai Merdeka menyediakan tapak perkhemahan yang selesa bagi program-program seperti badan beruniform, berkempen dan untuk seisi keluarga beristirehat dengan membawa peralatan sendiri. Kawasan yang disediakan dalam luas dan selesa. Manakala nilai min paling rendah ialah 3.91 bagi atribut '*kemudahan ruang rekreasi yang mencukupi dan terancang*'. Hasil kajian menunjukkan Pantai Merdeka mempunyai ruang rekreasi yang luas namun kurang sesuai untuk apabila kawasan istirehat diletakan sekali dengan tempat permainan kanak-kanak. Keadaan ini menyebabkan kawasan sedikit terhad untuk duduk bersantai. Purata komponen kemudahan rekreasi ialah 4.07.

Jadual 13. Komponen Kemudahan Rekreasi

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Kemudahan ruang rekreasi yang mencukupi dan terancang.	3.91	0.719	8
Kemudahan laluan pejalan kaki yang terancang dan berkualiti.	4.06	0.698	6
Kemudahan pondok/ tempat duduk di kawasan pantai.	4.13	0.784	3
Kemudahan taman permainan untuk kanak-kanak yang memuaskan dan selamat.	4.08	0.812	5
Kemudahan tempat berkelah yang mencukupi.	4.14	0.767	2
Kemudahan air paip untuk kegunaan pengunjung	3.99	0.818	7
Kemudahan kawasan lapang untuk bersukan.	4.11	0.773	4
Kemudahan kawasan perkhemahan selamat.	4.18	0.728	1
	<b>4.07</b>	<b>0.762</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Daripada Jadual 14 menunjukan komponen ekonomi/kos. Nilai min yang paling tinggi ialah 4.15 bagi atribut '*tambang pengangkutan awam seperti bas dan bot penumpang yang berpatutan*'. Pantai Merdeka dapat diakses melalui jalan laut iaitu melalui Tanjung Dawai dengan menaiki bot dan harga tambang RM2 amat berpatutan. Malah pelancong juga boleh menaiki bas awam yang disediakan. Keadaan ini dapat mengurangkan kesesakan paker dan lalu lintas. Manakala nilai min paling rendah ialah 3.96 bagi atribut '*penawaran aktiviti pantai pada kos yang berpatutan*'. Kajian menunjukan Pantai Merdeka tidak menawarkan akitviti laut/pantai melainkan menaiki bot. Namun terdapat juga aktiviti yang ditawarkan perlu bayaran seperti permainan kanak-kanak basikal, *mini car* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun harganya masih berpatutan. Purata bagi komponen ekonomi dan kos ialah 4.06.

Jadual 14. Komponen Ekonomi/Kos

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Penawaran aktiviti pantai pada kos yang berpatutan.	3.96	0.742	7
Pantai pelancongan yang mesra bajet keluarga.	4.05	0.698	4
Pantai pelancongan yang ekonomik.	4.09	0.731	2
Penyediaan kawasan parkir percuma.	4.09	0.957	2
Akses pantai yang percuma kepada keluarga.	4.03	0.784	5
Harga penginapan yang berbaloi.	4.02	0.838	6
Kawalan penawaran harga barang untuk pelancong dari segi makanan dan penginapan.	4.08	0.787	3
Tambang pengangkutan awam seperti bas dan bot penumpang yang berpatutan.	4.15	0.810	1
	<b>4.06</b>	<b>0.793</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Jadual 15 menunjukkan komponen hospitality iaitu pengurusan. Justeru nilai min paling tinggi ialah atribut '*penerapan hospitaliti yang mesra dan menarik di setiap produk pelancongan*' dengan nilai min 4.45. keadaan ini menunjukkan produk pelancongan di Pantai Merdeka mesra keluarga. Malah menepati citarasa pengguna. Seterusnya, nilai min paling rendah ialah '*nilai mesra produk pelancongan bertambah dari penawaran hospitaliti semasa*' iaitu 3.79. keadaan ini menunjukkan penawaran produk pelancongan yang kurang menyebabkan tidak sepenuhnya dilihat dan diketahui oleh pelancong. Purata komponen hospitality ialah 4.08.

Jadual 15. Komponen Hospitaliti

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Nilai mesra produk pelancongan bertambah dari penawaran hospitaliti semasa.	3.79	0.748	8
Pekerja terlatih dan mahir dalam bidang pelancongan.	3.97	0.813	7
Penguasaan pelbagai bahasa oleh pekerja-pekerja dalam bidang pelancongan.	3.99	0.824	6
Pengurusan pelancongan telah ditambahbaik.	4.02	0.875	5
Penerapan hospitaliti yang mesra dan menarik di setiap produk pelancongan.	4.45	4.074	1
Komuniti yang mesra.	4.11	0.770	3

Pemikiran “berfikir dan bertindak pelancongan” telah dilaksanakan oleh pihak berkepentingan.	4.10	0.820	4
Bahasa komunikasi yang sopan.	4.21	0.649	2
	<b>4.08</b>	<b>1.197</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

### *Dimensi Governans*

Jadual 16 Komponen Keselamatan Faktor lain yang memungkinkan berkembangnya pelancongan di Pantai Merdeka ialah disebabkan oleh kesedaran daripada pihak kerajaan tentang pentingnya pembangunan pantai pelancongan mesra keluarga terutamanya di kawasan luar bandar. Keadaan ini bukan sahaja membantu memajukan kawasan setempat malah turut memberi impak kepada kawasan berdekatan. Contohnya Pantai Merdeka turut memajukan kawasan Tanjung Dawai. Dalam dimensi government ini menghuraikan tentang komponen keselamatan, promosi dan imej pantai, perkhidmatan dann acara khas.

Jadual 16 menunjukkan komponen keselamatan di Pantai Merdeka dalam mencapai konsep pantai pelancongan mesra keluarga. Justeru nilai min paling tinggi ialah 4.24 iaitu atribut ‘*penyediaan bendera amaran keselamatan kepada pengunjung pantai*’. Oleh sebab kawasan Pantai Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka merupakan laluan bot-bot nelayan menyebabkan penandaan kawasan had untuk bermandi-manda amat perlu bagi mengelak sebarang kemalangan berlaku. Oleh itu, pebandaan dengan bendera dan papan tanda harus dilakukan..sementara itu, nilai min paling rendah ialah 3.87 bagi atribut ‘*pihak berkuasa tempatan telah mengambil inisiatif berkesan mengenai mutu keselamatan melalui sistem sokongan keselamatan seperti CCTV, laluan pejalan kaki dan seumpamanya*’. Hasil kajian menunjukkan tidak banyak inisiatif yang diambil bagi meningkatkan tahap keselamatan pelancong. Hal ini kerana kawasan pantai tersebut terlalu luas dan terbuka. Pihak tempat hanya menyediakan pondok JPAM untuk memantau persekitaran pantai. Purata menunjukkan nilai min komponen keselamatan ialah 4.08.

Jadual 16. Komponen Keselamatan

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Pihak berkuasa tempatan telah mengambil inisiatif berkesan mengenai mutu keselamatan melalui sistem sokongan keselamatan seperti CCTV, laluan pejalan kaki dan seumpamanya.	3.87	0.865	5
Penyediaan papan tanda awam untuk kegiatan (arah dan amaran).	4.14	0.808	2
Penyediaan pos pemerhati.	4.09	0.811	3
Pihak berkuasa tempatan menjaga keseluruhan kawasan pantai.	4.06	0.834	4
Penyediaan bendera amaran keselamatan kepada pengunjung pantai.	4.24	0.789	1
	<b>4.08</b>	<b>0.821</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Jadual 17 menunjukkan komponen promosi dan imej pantai. Promosi memainkan peranan penting dalam memperkenalkan Pantai Merdeka sebagai destina pelancongan kepada pelancong luar dan tidak hanya dalam daerah tersebut sahaja. Media massa amat memainkan peranan penting. Justeru nilai min paling tinggi ialah 4.20 iaitu bagi atribut '*mempromosikan latar belakang Pantai Merdeka seperti sejarah,bahasa dan budaya*'. Daripada tinjauan mendapati banyak laman sesawang yang mempromosikan pantai Merdeka sebagai destinasi pelancongan. Malah pengiklanan juga merupakan suatu cara yang tepat untuk memberitahu tentang produk-produk yang ditawarkan di lokasi pelancongan (Abd. Jalil Anuar,1988). Seterusnya, nilai min paling rendah ialah 3.98 iaitu atribut '*mempromosikan aktiviti-aktiviti dan pengalaman-pengalaman yang boleh diperolehi oleh pelancong sepanjang berada di Pantai Merdeka*'. Keadaan ini menunjukkan pelancong kurang peka terhadap info-info yang terdapat dalam laman web. Melihat kepada hasil tinjauan kaedah sekunder terdapat banyak blog-blog pelancong yang mengkongsikan pengalaman mereka melancong ke Pantai Merdeka. Purata nilai min bagi komponen promosi dan imej ialah 4.10.

Jadual 17: Komponen Promosi dan Imej Pantai

Penyataan	Min	Sisipan Piawai	Rank Kedudukan
Mempromosikan aktiviti-aktiviti dan pengalaman-pengalaman yang boleh diperolehi oleh pelancong sepanjang berada di Pantai Merdeka.	3.98	0.694	5
Menyediakan maklumat-maklumat terkini yang ditawarkan sebelum dan semasa pelancong melancong KE Pantai Merdeka.	4.14	0.852	3
Menyebarkan maklumat pelancongan Pantai Merdeka melalui perkhidmatan kaunter pelancongan dan web pelancong.	4.03	0.735	4
Merancang, mengurus dan melaksanakan program serta aktiviti kebudayaan pelancongan menerusi persembahan, pameran dan taklimat untuk menarik pelancong.	4.17	0.810	2
Mempromosikan latar belakang Pantai Merdeka seperti sejarah,bahasa dan budaya.	4.20	0.762	1
	<b>4.10</b>	<b>0.770</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Jadual 18 menunjukkan komponen perkhidmatan penting di Pantai Merdeka. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti penyewaan bit, chaler, resort, homestay, JPAM, jeti memancing dan tapak PLKN. Daripada penilaian pengunjung, nilai min paling tinggi ialah 4.18 iaitu atribut '*menyediakan ruang dan kemudahan infrastruktur yang selesa kepada pelancong*'. Kawasan Pantai Merdeka mempunyai ruang yang luas untuk pelbagai aktiviti seperti berkelah, bermain dan kemudahan pondok istirehat. Keadaan ini menunjukkan pelancong mencapai kepuasan ketika mengunjungi Pantai Merdeka sebagai destinasi percutian.

Jadual 18. Komponen Perkhidmatan

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Perkhidmatan yang berkualiti dari segi kebolehppercayaan terhadap produk dan mesra kepada pelancong.	4.05	0.791	3
Pihak pengurusan yang cekap dan berpengalaman.	4.15	0.835	2
Penyediaan pakej yang menarik dan berkualiti.	3.90	0.675	5
Perkhidmatan penginapan dan restoran yang berkualiti dan menyakinkan.	4.01	0.587	4
Menyediakan ruang dan kemudahan infrastruktur yang selesa kepada pelancong.	4.18	0.696	1
	<b>4.08</b>	<b>0.746</b>	

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Sebaliknya nilai min paling rendah ialah 3.90 iaitu atribut '*penyediaan pakej yang menarik dan berkualiti*'. Di Pantai Merdeka, tidak banyak aktiviti sukan laut yang menawarkan pakej. Hanya resort yang mengendalikan pakej percutian. Hal ini menyebabkan pelancong kurang mengetahuinya kerana rata-rata pelancong terdiri daripada mereka yang pergi balik. Purata nilai min komponen perkhidmatan ialah 4.08.

Berdasarkan jadual 19, komponen acara khas meliputi program-program dan festival yang dianjurkan di Pantai Merdeka oleh badan-badan NGO mahupun pihak tempatan dalam usaha menarik kedatangan pelancong dan usaha memperkenalkan tempat tersebut. Nilai min tertinggi ialah 4.17 iaitu atribut '*pengisian acara menawarkan hiburan yang bersesuaian dan menarik*'. Program-program ini disifatkan sebagai menepati citarasa pelancong dan tiada unsur melampau. Hasil kajian menunjukkan antara program yang dianjurkan adalah seperti hari keluarga, expo jualan dan pameran. Sementara itu, nilai min paling rendah ialah atribut '*menganjurkan acara yang menepati keperluan dan kehendak pelancong*' dengan nilai min 3.91. Hal ini kerana penganjuran carnival jualan ini hanya dilaksanakan dalam bulan tertentu sahaja. Keadaan ini menyebabkan pantai kembali kekurangan aktiviti, dan purata nilai min bagi komponen acara khas ialah 4.07.

Jadual 19. Komponen Acara Khas

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Rank Kedudukan
Menganjurkan acara yang menepati keperluan dan kehendak pelancong.	3.91	0.745	5
Pengisian acara menawarkan hiburan yang bersesuaian dan menarik.	4.17	0.772	1
Menganjurkan acara yang bersesuaian dengan semua jenis peringkat umur seisi keluarga.	4.00	0.750	4
Penganjuran acara mampu menarik lebih ramai pengunjung berbanding hari-hari biasa.	4.16	0.769	2
Penawaran harga yang berpatutan terhadap barang-barang di acara tersebut.	4.11	0.802	3
	<b>4.07</b>	<b>0.767</b>	

## Kesimpulan

Konsep pantai pelancongan mesra keluarga merupakan satu konsep yang amat diperlukan oleh pelancong dalam memenuhi keperluan dan kehendak mereka dalam bentuk aktiviti, produk, ruang dan government. Kepuasan terhadap penawaran Pantai Merdeka sebagai destinasi pantai pelancongan mesra keluarga dipersetujui oleh 300 pelancong yang berkunjung ke pantai ini. Pelancong perlu menilai tahap penawaran Pantai Merdeka sebagai pantai pelancongan mesra keluarga melalui dimensi aktiviti, produk, ruang dan government serta diikuti komponen-komponen penawaran dalam dimensi tersebut dalam membangunkan konsep pelancongan mesra keluarga. Hasil analisis mendapati pandangan balas responden terhadap penawaran Pantai Merdeka sebagai destinasi pelancongan adalah baik. Hal ini dilihat melalui nilai min bagi setiap komponen-komponen pelancongan mesra keluarga. Sehubungan itu, atribut atribut di setiap komponen dalam empat dimensi ini diperlukan dalam membangunkan konsep destinasi mesra pelancong di kawasan luar bandar seperti di Pantai Merdeka, Kedah.

## Rujukan

- Anuar ANA, Habibah A, Hamzah J, Hussain MY. (2012a). The essential elements underlying formation of tourist friendly destination concept: Analysis in micro level. *Asian Social Science* 8(13) 59-70.
- Anuar ANA, Habibah A, Hamzah J, Hussain MY .(2012b). Understanding the factors influencing formation of tourist friendly destination concept. *Journal of Management and Sustainability* 2(1) 106-114.
- Azuan hafifi, <https://es.slideshare.net/AzuanHafifi/cadangan-pembangunan-semula-pantai-merdeka-kedah> [14 Mac2017].
- Ahmad Nazrin et al. (2014). Pembentukan destinasi mesra pelancong berasaskan perspektif pelancong domestik. *Journal of Society and Space* 10 issue 8 (1 – 12).
- Carter, R. W.G. (1988). Coastal enviroment: An introduction to the physical, ecological & Cultural system of coastlines. London: Academic Press.
- Jabil Mapjabil. (2005). Impak Pelancongan Terhadap Persekitaran Zon Pinggir Pantai Di Bahagian Utara Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Mathieson, A. & Wall, G. (1991). Pelancongan: Impak ekonomi, fizikal dan Sosial. Terj. Abdul Kadir Din. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Zaki Ahmad zaki.ahmad, Johan Afendi Ibrahim afendi & Norhanim Abdul Razak, (2012). Pembangunan Pelancongan Kuala Kedah untuk “Semua”: Kriteria dan Tanda Aras Kelestarian untuk Pertimbangan. *Prosiding Perkem* viii, Jilid 1 (2012) 611-626.
- Inskeep, E. (1991). *Tourism planning: An integrated and sustainable development approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Pearce, J. (1996). The Internasioal journal for marine environmentalist. *Marine Pollution Bulletin* 32(2): 180
- Swarbrooke, J. (2002). *Sustainable tourism management*. Sheffield : CABI Publishing.